

CNS2067

R GB 18-02 00156 RH406

Bah

Mahathir - Etika

KUALA TERENGGANU, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, etika kerja dan falsafah perniagaan merupakan dua faktor penting dalam menentukan kejayaan berterusan setiap peniaga.

+Kita tidak akan rugi kalau ada etika, dan kalau kita hendak berjaya, kita mestilah mempunyai falsafah untuk memberi khidmat kepada masyarakat dan bukan mementingkan soal keuntungan semata-mata,+ katanya.

Ketika melancarkan perayaan 25 tahun Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) di sini hari ini, beliau berkata, semasa Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan beberapa tahun lepas, kerajaan menekankan peri pentingnya dipelajari falsafah peniaga-peniaga Jepun.

Beliau memberi contoh bagaimana falsafah memberikan khidmat sosial kepada pelanggan dan bukan pelanggan membantu menjadikan syarikat Matsushita daripada hanya sebagai pengeluar soket penyambung lampu elektrik kepada pengeluar barangan elektrik ulung dunia.

Perdana Menteri menolak dakwaan sesetengah kalangan yang mengatakan peniaga-peniaga yang mencapai kejayaan besar terdiri daripada mereka yang menipu. -- lagi

♥18/02/12-47MST

CNS2074

R GB 18-02 00152 RH407

Bah

Mahathir - Etika 2 Kuala Terengganu

+Ini tidak betul kerana banyak peniaga mempunyai etika untuk menentukan falsafah mereka dalam perniagaan, tambahan lagi apa gunanya mendapat untung besar sekali sahaja. Lebih baik kita mendapat untung kecil-kecilan tetapi berterusan,+ tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan peniaga Bumiputera supaya mengubah pandangan tradisional bahawa wang hanyalah untuk membeli-belah, sebaliknya dijadikan modal untuk mengumpul wang semula.

+Kalau tahu menggunakannya, pengurusan kita akan bertambah baik dan kedudukan ekonomi kita akan bertambah kukuh,+ kata beliau.

Beliau berkata, kerajaan menekankan soal penswastan agensi-agensi kerajaan kerana negara kini sudah mempunyai mereka yang pakar menguruskan perniagaan besar yang dahulunya hanya mampu diceburi oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, dasar penswastan dilaksanakan bukan kerana kerajaan tidak menghargai agensi-agensi kerajaan yang terlibat tetapi untuk meningkatkan prestasi mereka, dan kerana sudah ada Bumiputera yang mampu menguruskannya dan mempunyai kepakaran dalam bidang itu. -- lagi

♥18/02/12-55MST

CNS2082

R GB 18-02 00146 BH410

Bah

Mahathir - Etika 3 Kuala Terengganu

Adakalanya peniaga Bumiputera terpaksa bekerjasama dengan peniaga bukan Bumiputera walaupun ada yang beranggapan tindakan ini melencong daripada Dasar Ekonomi Baru.

Beliau berkata, tindakan ini tidak salah kerana +kita boleh belajar daripada pengalaman mereka dan janganlah malu-malu untuk belajar atau bekerjasama dengan mereka+.

Sebelum itu, Menteri Besar Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad mengumumkan bahawa PMINT akan menswastakan empat buah anak syarikatnya yang bergiat dalam sektor perkayuan melalui skim pengapungan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Beliau berkata, syarikat-syarikat itu yang mempunyai rekod prestasi yang baik dan kriteria kewangan yang diperlukan oleh BSKL dijangka dapat disenaraikan di bursa itu menjelang akhir tahun ini.

+Dalam masa satu atau dua tahun lagi, kemungkinan besar anak-anak syarikat PMINT yang bergiat dalam sektor pertanian pula akan diswastakan melalui kaedah yang sama,+ katanya. -- lagi.

♥18/02/13-14MST

CNS2083

R GB 18-02 00105 BH411

Bah

Mahathir - Etika 4 Kuala Terengganu

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor serta timbalannya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Tengku Mahmud Mansor dan Pengurus Besar PMINT, Datuk Abdul Aziz Ibrahim.

Perdana Menteri yang akan berada selama dua hari di negeri ini kemudian mengadap Sultan dan Tengku Ampuan Terengganu di Istana Badariah.

Beliau akan furut melawat Stesen Jana Elektrik Sultan Mahmud di Kenyir, Hulu Terengganu dan melawat kilang besi keluli Perbadanan Industri Berat Malaysia, Perwaja Steel Sdn Bhd petang ini dan esok. -- Bernama

♥18/02/13-16MST